

Kerajaan sokong penubuhan universiti swasta

MAY 24 2002

Daripada Saidon Idris

SEOUL, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan akan terus menyokong pertumbuhan bidang pendidikan tinggi menerusi penubuhan universiti swasta baru.

Berucap kepada ahli perniagaan Korea Selatan di hari kedua lawatan rasminya ke sini, Perdana Menteri, berkata langkah itu sejajar matlamat menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan dalam bidang pendidikan di Asia Tenggara.

"Eksport perkhidmatan, terutama pendidikan kini menjadi sektor yang penting bagi Malaysia. Kerajaan akan meneruskan penumpuan bagi menyokong pertumbuhan bidang pendidikan tinggi menerusi penubuhan universiti swasta baru dan pengembangan kapasiti institusi pengajian tinggi berkenaan," katanya.

Perdana Menteri berkata, universiti dengan reputasi yang tinggi di Amerika Syarikat, Britain dan Australia, sudah menubuhkan kampus cawangan di Malaysia.

"Institusi pengajian tinggi Korea juga boleh memainkan peranan penting dalam menggalakkan pembangunan pendidikan tinggi dan sumber manusia di Malaysia," katanya pada jamuan tengah hari yang dianjurkan empat persatuan perniagaan Korea Selatan, hari ini.

Persatuan berkenaan ialah Persekutuan Industri Kecil dan Sederhana Korea, Persekutuan Industri-industri Korea, Dewan Perniagaan dan Industri Korea dan Persatuan Perdagangan Antarabangsa Korea.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut menyaksikan majlis menandatangani tujuh memorandum persefahaman. Antaranya ialah antara Naza Kia Sdn Bhd dengan Kia Motors Corporation bagi mengadakan usaha sama dalam penge-

luaran dan pemasangan kenderaan Kia bagi pasaran Malaysia dan Asia Pasifik, antara LG Chem Investment Ltd dengan Innobiologi Sdn Bhd untuk proses pembangunan bersama sel mamalia bagi pengeluaran bio-farmaseutikal di Malaysia dan antara Telekom Malaysia Bhd dengan KT Corporation Korea dalam pemindahan teknologi dan kerjasama perniagaan internet berjalur lebar.

Bagi memenuhi peningkatan dalam permintaan industri itu, kerajaan sudah melabur dalam pembinaan prasarana dan kemudahan yang diperlukan, katanya.

Perdana Menteri, berkata Malaysia adalah pusat utama bagi pelaburan syarikat multinasional (MNC) dan adalah laluan kemasukan strategik bagi menerokai pasaran Asean yang mempunyai penduduk kira-kira setengah bilion.

Bagi memastikan Malaysia terus menjadi negara pilihan bagi pelaburan, kerajaan sentiasa melaras-

kan dasar dan insentif pelaburannya serta menyediakan sokongan pentadbiran kritikal bagi memudahkan pelaburan asing di kawasan yang disediakan, katanya.

Perdana Menteri berkata, Korea Selatan adalah rakan dagangan penting bagi Malaysia. Tahun lalu, republik itu adalah rakan dagangan kelapan terbesar bagi pasaran eksport dan keenam bagi sumber import serta mewakili kira-kira 3.7 peratus daripada jumlah dagangan Malaysia dengan nilai RM5.9 bilion.

Sebahagian besar perdagangan dua hala itu ketika ini adalah dalam produk dan komponen elektrik dan elektronik.

Korea Selatan adalah pembeli utama bagi minyak mentah dan gas asli Malaysia dan adalah pembekal penting negara bagi kapal, bot dan kenderaan bermotor.

Republik itu adalah pelabur asing kelima terbesar di Malaysia, kebanyakan

nya adalah dalam pembuatan barangan elektronik, produk mineral bukan metalik, produk logam serta produk pengkhususan seperti tiub gambar berwarna, panel kaca dan monitor komputer.

Ketika ini terdapat 114 syarikat dengan pelaburan Korea Selatan di Malaysia.

Dr Mahathir berkata, bagaimanapun prospek bagi meningkatkan perdagangan dua hala dan pelabu-

ran itu adalah cerah.

Perdana Menteri juga menggesa sektor teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) Malaysia dan Korea mengkaji kemungkinan mengadakan kerjasama bagi manfaat bersama kerana kedua-dua negara berusaha mencapai daya saing saintifik dan teknologi dalam bidang itu.

Bagi tujuan itu, Dr Mahathir, berkata Perbadanan Pembangunan Multimedia

(MDC) Malaysia dan Korea Institute of Multimedia Contents and Software (KOMCS) sudah bekerjasama dalam membangunkan sektor ICT.

Sementara itu dalam sesi soal jawab kemudiannya, Perdana Menteri berkata, Malaysia kini lebih banyak belajar dari Korea Selatan kerana cara ia mengurus ekonominya bagi mencapai pemulihan adalah sangat menakjubkan.

Malaysia juga berminat mengetahui bagaimana Korea Selatan dapat meluaskan penggunaan IT di kalangan rakyatnya sehingga dapat mengembangkan permintaan domestik bagi perisian dan perkakasan bagi membolehkan industri itu dibangunkan.

Beliau juga menggalakkan syarikat pengeluaran perabot Korea mengimport kayu getah Malaysia.